

# Abai kebersihan, influenza mudah menyerang

**J**UMAAT lalu, *Kosmo!* melaporkan wabak influenza yang menjangkiti individu mengakibatkan katil di wad-wad perubatan dan pediatrik di kebanyakan hospital melebihi kapasiti ekoran sesak dengan pesakit dalam kalangan orang dewasa dan kanak-kanak.

Situasi tersebut ternyata mengundang kebimbangan masyarakat memandangkan waktu menunggu pesakit untuk dimasukkan ke wad meningkat sehingga melebihi empat jam pada ketika itu.

Lebih-lebih lagi apabila pada tahun 1918 hingga 1919, sejarah menunjukkan wabak influenza pernah menyerang dunia yang mana pandemik global influenza atau dikenali sebagai Spanish Flu dan membunuh sekitar 50 juta manusia dunia ketika itu dikhuatiri bakal berulang.

Bagi mengulas lanjut mengenai isu tersebut, **wartawan *Kosmo!* Ahad, KHAIRIYAH HANAFI** menemu bual **Pakar Kesihatan Pekerjaan di Hospital Pakar KPJ Tawakkal, Kuala Lumpur, Dr. Nurul 'Afiah Mohd. Isa** di pejabatnya.

**KOSMO! AHAD: Kebanyakan orang masih keliru dalam membezakan antara influenza dan demam selesema biasa, hakikatnya flu lebih berbahaya, malah dapat menimbulkan pelbagai komplikasi berbanding selesema biasa, malahan boleh membawa maut. Apa perbezaan ketara antara kedua-duanya dan jenis-jenisnya?**

**DR. NURUL 'AFIAH:** Influenza atau flu dan selesema adalah jangkitan virus dan kedua-duanya senang berjangkit dan boleh berjangkit melalui cara sama iaitu kontak pada bendalir atau cecair badan seperti kahak, hingus dan air liur.

Perbezaan untuk dua jangkitan virus ini boleh dibahagikan kepada



pendedahan langsung kepada pesakit dan individu yang bergejala.

Kanak-kanak sekolah dan taska penjagaan kerana kontak rapat dan berada dalam kelompok yang ramai dan sesak juga berisiko tinggi terhadap jangkitan influenza.

Selain itu, warga emas berumur 65 tahun ke atas dan kanak-kanak di bawah umur lima tahun juga antara berisiko kerana faktor imuniti mereka lebih rendah.

Influenza adalah sejenis jangkitan bermusim dan sangat ketara semasa musim sejuk, tetapi berbeza di Malaysia, kes influenza berlaku sepanjang tahun.

Bagaimanapun, untuk kes influenza yang semakin meningkat

**UJAR Dr. Nurul 'Afiah, rawatan bagi influenza bergantung pada tahap jangkitan.**

beberapa aspek iaitu jenis virus terlibat, gejala atau simptom, komplikasi yang boleh berlaku dan juga sama ada terdapat vaksin khas untuk setiap jangkitan tersebut.

Selesema biasanya disebabkan oleh *rhinovirus*, tetapi ada lebih kurang 200 jenis virus yang boleh menyebabkan selesema, manakala influenza pula disebabkan oleh virus influenza A atau B.

Sebenarnya virus influenza mempunyai empat jenis iaitu A, B, C dan D. Bagaimanapun, virus A, B dan C sahaja yang menyebabkan jangkitan pada manusia. Pun begitu, virus influenza jenis C tidak menyebabkan penularan wabak seperti influenza jenis A dan B yang sangat senang berjangkit antara manusia.

Secara amnya, jangkitan influenza A menyebabkan gejala dan komplikasi lebih teruk dari jangkitan influenza B.

**Siapakan golongan paling berisiko terhadap jangkitan influenza yang semakin 'menganas' di negara ini pada masa sekarang dan apakah simptom paling senang dilihat?**

Golongan berisiko lebih tinggi untuk dijangkiti influenza adalah bergantung pada keadaan kesihatan individu terbabit dan juga kawasan persekitaran sama ada tempat kerja atau tempat tinggal.

Mereka yang berisiko adalah seperti pekerja kesihatan yang mana lebih mudah dijangkiti kerana

**SUNTIKAN vaksin influenza bukan digunakan sebagai rawatan, tetapi langkah pencegahan daripada mendapat jangkitan.**

